



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 Februari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Madani Sales Programme



MINISTER of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali (centre), mingles with customers while attending the Sentuhan Kasih, Rahmah Madani Sales and Consumerism Advocacy Programme at the car park in Bandar Ramai Ramai, Sandakan.

The Government, through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), will continue to expand the implementation of the Rahmah Madani Sales Programme (PJRM) as one of the intervention measures by offering prices between 10 and 30 per cent cheaper than the current market price for daily necessities. For 2025, KPDN targets the implementation of at least two PJRM series per month for each DUN area nationwide. – Bernamapic



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Pelancongan Terengganu patenkan Awang Nelang, Mek Ara

FOTO: JABATAN PELANCONGAN NEGERI TERENGGANU



Awang Nelang dan Mek Ara memeriahkan Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Sukan Antara Asasi Malaysia 2025 oleh Pusat Asasi STEM Universiti Terengganu Malaysia, baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU - Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu telah mendaftarkan dua maskot pelancongan iaitu penyuri jantan dan betina diberi nama Awang Nelang dan Mek Ara sebagai harta intelek dan hak cipta jabatan itu.

Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu, Ahmad Ridzwan Abd Rahman berkata, pihaknya telah mendapat kelulusan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi mematenkan dua maskot tersebut pada tahun lalu.

Menurutnya, usaha itu dilakukan bagi mengelak sebarang aktiviti ciplak dan salah laku oleh pihak lain.

"Kita mendapat kelulusan mendaftarkan Awang Nelang dan Mek

Ara di bawah harta intelek selepas ia dilancarkan pada Majlis Perasmian Karnival Beautiful Terengganu (KBTM) 2024 pada tahun lalu.

"Jadi, setelah dipatenkan, ia lebih terjamin dan selamat serta tidak boleh ditiru oleh mana-mana pihak termasuk di negara luar."

Beliau berkata, tindakan juga boleh diambil sekiranya terdapat pihak didapati meniru atau mengeluarkan produk dengan reka bentuk menyerupai maskot tersebut.

Jelas beliau, mana-mana pihak yang berminat untuk mengeluarkan barang atau produk maskot penyuri Terengganu itu boleh

menghantar permohonan kepada Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu.

"Maskot penyuri ini merupakan maskot rasmi negeri Terengganu dan kerajaan negeri akan meluaskan lagi promosi dan penggunaan maskot ini."

"Setakat ini kita telah mempunyai empat pasang maskot besar yang boleh digunakan untuk mempromosikan sektor pelancongan di Terengganu," ujarnya.

Sebelum ini, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu menganjurkan pertandingan mencipta nama dua maskot iaitu penyuri jantan dan betina itu untuk dijadikan sebagai identiti pelancongan negeri berkenaan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

George hargai KPDN pilih Karamunting lokasi Jualan Rahmah MADANI

Oleh Yap Siong Han

SANDAKAN: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karamunting, Datuk George Hiew menghargai usaha Kementerian Perdagangan Dalam dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) kerana memilih Karamunting sebagai lokasi Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah MADANI dan Advokasi Kepengguanan.

Beliau berterima kasih kepada Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali, atas pemilihan Karamunting untuk program rakyat berkenaan.

Katanya, ia merupakan satu penghormatan dan pastinya memberikan manfaat besar kepada komuniti setempat.

"Saya juga menghargai usaha Armizan memperluas Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) ke kawasan luar bandar dan terpencil di Sabah.

"Dengan lebih banyak premis disenaraikan, rak-



KENANGAN: George (empat kiri) dan Armizan (empat kanan) bersama tetamu kehormat lain ketika di Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah MADANI.

yat kini tidak perlu pergi jauh untuk mendapatkan barang keperluan asas," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Selain itu katanya, langkah kerajaan untuk mengkreditkan bantuan SARA

terus ke MyKad penerima secara bulanan adalah satu inisiatif yang baik.

Katanya, cara berkenaan menggantikan kaedah pembayaran tunai sebelum ini, sekali gus memudahkan rakyat yang memerlukan.

"Tidak dilupakan, terima kasih juga kepada Common Tower Technologies Sdn. Bhd. atas inisiatif CTT Care, yang turut menyumbangkan kelengkapan perubatan kepada Batu Sapi, termasuk Karamunting," katanya.



PEMUAN najis tikus di beberapa bahagian lantai sebuah kafe di Lebuh Keng Kwee Georgetown, menyebabkan premis berkenaan menerima notis penutupan selama 14 hari.

Georgetown: Sebuah kafe di Lebuh Keng Kwee di sini, diberi notis penutupan selama 14 hari semalam selepas pemeriksaan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut menemukan najis tikus di dalam premis itu termasuk penyimpanan.

Notis penutupan berkenaan dikeluarkan mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983 dalam operasi bersendiru bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHE-APP).

Ketika diperiksa, terdapat najis tikus di bawah kerusi, belakang peti sejuk dan ruang penyimpanan malah terdapat juga makanan yang sudah melepas

tarikh luput turut dijual di kafe itu.

Didapati cat pada dinding berhampiran kaunter makanan terfanggal selain pelbagai makanan tidak mempunyai label.

Pegawai Operasi Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan M Shashikumar berkata, keseluruhan permeriksaan di premis itu didapati kurang memuaskan.

Katanya, pembantu premis juga didapati tidak memakai pakaian pelindung diri yang lengkap bagi pengendalian makanan.

"Peti sejuk di premis itu

juga padat dengan bahan makanan serta tidak mempunyai sistem FIFO (sistem penyimpanan dan penggunaan bahan makanan) selain kotor.

"Malah didapati tiada pengasingan bahan mentah pada peti sejuk berkenaan dengan makanan sedia dimakan (RTE).

"Keseluruhan kompaun yang dikeluarkan terhadap pemilik premis ialah berjumlah RM2,500," katanya ketika ditemui di lokasi sebelumnya.

Selain itu, tindakan oleh KPDN juga turut dilakukan mengikut Akta Perihal Da-

ganangan 2011 susulan penggunaan logo halal dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) tanpa kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa.

Pihak premis berkenaan juga didapati bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah serta menggunakan logo halal berkenaan pada menu dan gegantung promosi menu mereka.

Difahamkan, premis berkenaan pernah memohon persijilan Halal Malaysia pada Oktober tahun lalu dan diaudit pada November 2024 namun keputusan mesyuarat jawatankuasa Panel Persijilan Halal Malaysia Negeri Pulau Pinang adalah gagal.



PETROSNiaga bekalkan gas dari Kuching dan Sabah

MIRI: Bagi menangani masalah putus bekalan tong gas petroleum cecair (LPG) dan menampung keperluan pengguna di negeri ini, PETROSNiaga memutuskan untuk menghantar bekalan dari Kuching dan Teluk Sepanggar di Sabah.

Justeru, untuk memastikan bekalan mencukupi dan stabil dinegeri ini, Terminal Minyak Bebas (IOT) Senari di Kuching telah meningkatkan kapasiti pengeluaran sehingga 29,000 silinder (tong) sehari.

"Dengan anggaran 1.8 juta silinder LPG dalam edaran, terdapat bekalan yang mencukupi untuk memenuhi

permintaan di seluruh Sarawak," kata PETROSNiaga dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Insiden tanah runtuhan semasa keadaan cuaca buruk baru-baru ini telah mengakibatkan operasi di loji pengisian tong LPGoleh PUSAKA Integrated Resources Sdn Bhd di Bintulu terpaksa dihentikan sehingga kerosakan dipulihkan.

Bagaimanapun, beberapa kawasan seperti Miri dan utara Sarawak mengalami pemulihan bekalan yang lebih perlahan berikutan jarak pengangkutan yang lebih jauh dan bilangan lori yang sesuai bagi kerja-kerja

pemunggahan.

Oleh yang demikian, bagi mengurangkan masalah yang timbul, depot simpanan tambahan sedang disediakan di Bintulu dan Miri untuk menambah baik dalam masa pemulihan ketika ini, bagi pengagihan bekalan yang cekap.

Kemudahan baharu ini akan membantu mengurangkan kekangan logistik dan menyokong penghantaran bekalan yang lebih pantas dan memulihkan keadaan di Miri dalam beberapa hari akan datang.

Sementara itu, PETROSNiaga akan

mengenal pasti lebih banyak depot simpanan sementara untuk kawasan yang mempunyai situasi serupa dalam usaha memastikan peredaran bekalan silinder LPG bersubsidi untuk kegunaan isi rumah LPG dan silinder LPG tanpa subsidi untuk kegunaan komersial di seluruh Sarawak kembali normal dalam bulan ini.

Dalam pada itu, PETROSNiaga memberi jaminan, tidak akan ada kenaikan harga LPG bersubsidi untuk kegunaan isi rumah, walaupun cabaran logistik yang meningkat. PETROSNiaga sebaliknya

menyerap kos ini untuk mengelakkan sebarang beban kewangan kepada pengguna.

Harga LPG isi rumah bersubsidi kekal pada RM26.60 apabila dikutip di mana-mana pengedar dan pengedar sah.

Sebarang kenaikan harga atau caj tambahan yang tidak dibenarkan hendaklah dilaporkan kepada Khidmat Pelanggan PETROSNiaga di 1300-88-2122 atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di 1-800-886-800 atau 019-8488000 melalui WhatsApp.

Beras tempatan hilang lagi?

APA yang nak dihairankan dalam soal beras putih tempatan (BPT) yang timbul dan tenggelam. Ini bukan perkara baharu.

BPT tiba-tiba hilang di pasaran, sebaliknya yang banyak beras yang kononnya 'import'. Sedangkan kita semua tahu bahawa pengilang dan pemborong balut BPT guna label import. Ini taktik lama yang akan diulang-ulang.

Mustahil BPT hilang begitu sahaja sedangkan kita tahu bekalannya mencukupi. BPT terkawal harganya sedangkan beras import boleh letak berapa harga sahaja. Jadi BPT menjelma dalam bentuk beras import bagi membolehkannya

dijual dengan harga tinggi.

Awang memang kesal hal ini. Niat kerajaan nak kawal BPT pada kadar RM2.60 per kilogram, tapi yang jadi lain pula. Ada pihak menahan lukah di segentingan.

Macam biasalah, tindakan undang-undang tak pernah dikenakan pada para penyangak ini. Pengilang dan pemborong lepas bebas. Yang menderita rakyat yang terpaksa beli beras lebih mahal. Kalau beras BPT tak ada di pasaran apa pilihan yang ada? Beli sahajalah beras yang kononnya diimport.

Jikalau pihak Kementerian Pertanian tak boleh selesaikan masalah ini, kenalah cari cara lain. Nampaknya Kawalselia Padi Beras pun tak berdaya apa lagi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Apa kata kita bawa masuk SPRM dan tarik lesen pengilang dan pemborong yang jadi perosak ini?

PetrosNiaga sets up additional depots to solve LPG distribution issues in northern Sarawak

MIRI: PetrosNiaga has set up additional depots in Bintulu and Miri to overcome the liquefied petroleum gas (LPG) cylinder distribution challenges affecting consumers in northern Sarawak.

Supply in northern Sarawak has experienced a slower recovery due to the longer transportation distance and limited number of suitable lorries to transport supplies from Kuching and Sabah.

"To mitigate this, additional storage depots are being set up in Bintulu and Miri to improve turnaround time for efficient supply distribution.

"These new facilities will help ease logistical constraints and support faster supply delivery

and the situation in Miri is expected to be normalised in a few days," said PetrosNiaga in a statement yesterday.

More temporary storage depots will be identified for areas with similar situations in the effort to ensure normal supply circulation within this month for subsidised LPG cylinders for household use and non-subsidised LPG cylinders for commercial use across Sarawak.

The recent landslide due to adverse weather conditions halted operations at the Pusaka Integrated Resources Sdn Bhd Liquefied Petroleum Gas (LPG) bottling plant in Bintulu.

To ensure adequate supply,

PetrosNiaga rerouted LPG cylinder supply from Kuching and Sepanggar Bay in Sabah.

Senari Independent Oil Terminal (IOT) in Kuching also ramped up its filling capacity to pre-disruption levels for the whole of Sarawak, reaching up to 29,000 cylinders per day, ensuring reliable and stable supply.

With an estimated 1.8 million LPG cylinders in circulation, the company said there is sufficient supply to meet Sarawak's overall demand.

"We appreciate the patience and cooperation of all consumers as efforts continue to restore normal LPG distribution across Sarawak," added PetrosNiaga.

Despite the increased logistical challenges, the company said there would be no increase in the prices for subsidised LPG for household use as PetrosNiaga was absorbing these costs to prevent any financial burden on consumers.

The price for the subsidised household LPG remains at RM26.60 when collected from any authorised distributor or dealer.

Any unauthorised price increase or extra charges should be reported to PetrosNiaga's Customer Service on 1300-88-2122, or the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living on 1-800-886-800, or 019-848 8000 via WhatsApp.

Dulu santan RM10 sekilo, kini cecah RM15

- Bekalan tiada sejak Disember lalu
- Terpaksa guna kelapa tua tampung bekalan

Oleh ADNAN IBRAHIM

KLUANG — Ketiadaan bekalan termasuk kelapa daripada negara jiran, Indonesia dikatakan menjadi punca utama kenaikan harga santan kerana peniaga perlu mencari sendiri di kebun yang diusahakan penduduk.

Peniaga Santan, Ali Roslan, 40, berkata, mereka yang berniaga di Pasar Awam Kluang itu sudah lebih sebulan tidak menerima penghantaran kelapa daripada pembekal.

Katanya, keadaan ini menyebabkan peniaga perlu mencari sendiri buah kelapa tua di kebun-kebun diusahakan penduduk sekitar daerah Kluang ini bagi menampung bekalan.

"Ada peniaga terpaksa menu tur sementara kedai jualan santan kerana tidak memperolehi bekalan yang sudah berlarutan sejak bulan Disember tahun lalu.

"Jika keadaan ini berlarutan, dijangka keadaan akan lebih teruk apabila menjelang Ramadan dan Syawal nanti," katanya.

Ali berkata, pihaknya amat berharap masalah ini dapat ditutasi oleh kerajaan kerana pihaknya terpaksa menjual santan



NASRIQ membungkus santan mengikut kuantiti yang diperlukan pelanggan di premisnya di Kluang semalam.

pada harga agak mahal apabila mendapat bekalan daripada orang persendirian.

Seorang lagi peniaga, Nasriq Ramli, 24, berkata, pihaknya terpaksa mengambil sendiri buah kelapa tua yang dikumpul daripada pengusaha kelapa di sekitar Batu Pahat.

Ujarnya, perkara ini berlaku sejak bulan Oktober tahun lalu apabila pembekal tidak meng-

hantar bekalan akibat daripada kekurangan bekalan daripada Indonesia.

"Pembelian kelapa di Batu Pahat pada harga RM2.80 hingga RM3.20 sebiji bergantung kepada saiz, jadi saya kena jual santan pada harga RM14 sekilogram.

"Pembekal kelapa tidak beri alasan harga naik mendadak, saya syak sebab Ramadan," ujarnya.

地板布满老鼠屎 滥用清真认证 景贵街1咖啡馆关14天

(槟城 18 日讯) 景贵街一家咖啡馆地板上和多处被发现有老鼠屎，遭到东北县卫生局勒令关闭 14 天。



景贵街一家咖啡馆遭到东北县卫生局勒令关闭 14 天。

当执法人员检查时发现，椅子下、冰箱后面及储藏室里，都有老鼠屎，咖啡馆里还出售过期食品，食品柜台附近墙上的油漆剥落，各

种食品都没有标签。此外，当局也发现业者未获批准，却标上清真标志和安全食品业界问责认证。

《大都会日报》报道周二指出，东北县卫生局连同国内贸易及生活成本局 (KPDN) 及槟州伊斯兰宗教事务局，联手突击检查该间咖啡馆，援引 1983 年食品法令第 11 条文，勒令该馆关闭 14 天。

东北县卫生局食品安全与品质单位官员沙斯古玛表示，咖啡馆所有整体表现令人不满意，当局还发现店员没有穿着完整的个人防护服来处理食品，冰箱除了肮脏之外，还装满食物，担心会发生交叉感染。



咖啡馆地板上多处，被发现老鼠屎。

的情况，整个行动罚款金额一共 2500 令吉。

他说，国内贸易及生活成本局也发现咖啡馆，未经当局许可和批准的情况下，使用清真标志和安全食品业界问责 (MeSTI) 认证，并在其菜单和促销菜单上，使用相关清真标志，当局将根据 2011 年商品说明法令采取行动。

他指出，位于古迹区的咖啡馆



执法人员在咖啡馆内进行检查。

是游客众多地方，保持良好形象极为重要，尤其马来西亚已列 2026 为大马旅游年，业者有必要正视本身的卫生及环境水平，不要因而影响到槟城的旅游业，甚至是游客和

市民的卫生安全。据悉，该店曾于去年 10 月申请马来西亚清真认证，并于 11 月接受审核，但最终未能通过槟州清真认证委员会的审核，导致申请失败。#

HARI:

RABU

TARIKH:

19/2/2025

M/SURAT:

3

J 10/2/2025 | 11:00 AM

J 10/2/2025 | 11:00 AM

翁秀秀：開學開銷不到200元 斥傅芝雅與現實脫節



■ 翁秀秀批评傅芝雅的“涨价震惊论”，曝露出决策者与现实脱节，不知民间疾苦。

(吉隆坡18日) 马华国家政策与民生课题调查研究委员会主席拿督翁秀秀说，国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅近日对学校用品费用高达200令吉感到震惊的言论，充分显示她与民众的现实生活脱节，也反映出她在保障民生权益与福祉的无能为力。

她发表文告提到，傅芝雅的言论赤裸裸的暴露了政府高官与民众的隔阂，表明他们未能准确把握社会各阶层民生的脉动，这也导致政府难以制定出真正符合弱势群体需求的政策和方案。

她建议傅芝雅副部长更频繁地深入基层，倾听人民的声音并进行互动交流。政府在制定政策时，须与各利益相关方展开广泛协商，收集民意，确保不遗漏任何应当得到政府帮助的群体。

她表示，实际上，学校基础用品费达200令吉费

用并非新鲜课题。前任的国阵政府曾推出多项教育援助计划，其中包括“小学学校援助计划”，该计划至今仍在现政府下继续执行。

翁秀秀强调，内贸部不应将提供平价学习用品的责任完全推给超市和私营企业，尤其是销售税(SST)从6%调升至8%，且新增的税制进一步加重了民生负担。

她指称，傅芝雅对未落实“重返校园”昌明慈悯销售计划的超市发出警告，此举犹如是在推卸责任。威胁商家为政府买单，不仅本末倒置，且无法有效解决民众的实际需求。(TKM)



翁秀秀：震驚學校用品漲價 “傅芝雅與現實脫節”

(吉隆坡18日讯)马华国家政策与民生课题调查研究委员会主席拿督翁秀秀指出，国内贸易及生活费部副部长傅芝雅近日对学校用品费用高达200令吉感到震惊的言论，充分显示她与民众的现实生活脱节，也反映她在保障民生权益与福祉的无能为力。

“傅芝雅的言论赤裸裸地暴露了政府高官与民众的隔阂，表明他们未能准确把握社会各阶层民生的脉动，这也导致政府难以制定出真正符合弱势群体需求的政策和方案。”

翁秀秀今日发表文告，建议傅芝雅更频繁地深入基层，倾听人民的声音并进行互动交流。她说，政府在制定政策时，必须与各利益相关方展开

广泛协商，收集民意，确保不遗漏任何应当得到政府帮助的群体。

“实际上，学校基础用品费达200令吉费用并非新鲜课题。前朝国阵政府曾推出多项教育援助计划，其中包括‘小学学校援助计划’，该计划至今仍在现任政府下继续执行。”

她强调，内贸部不应将提供平价学习用品的责任完全推给超市和私营企业，尤其是销售税(SST)从6%调升至8%，且新增的税制加重了民生负担。

“傅芝雅对未落实‘重返校园’昌明爱心销售计划的超市发出警告，副部长此举犹如是在推卸责任。威胁商家为政府买单，不仅本末倒置，且无法有效解决民众的实际需求。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 FEBRUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Feb	PARLIMEN: Pesta, festival makanan jual harga tidak berpatutan dipantau	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/parlimen-pesta-festival-makanan-jual-harga-tidak-berpatutan-dipantau/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
19-Feb	Jabatan Pelancongan Terengganu patenkan Awang Nelang, Mek Ara	https://www.sinarharian.com.my/article/713333/edisi/terengganu/jabatan-pelancongan-terengganu-patenkan-awang-nelang-mek-ara	SINAR HARIAN
19-Feb	Kafe diarah tutup selepas jumpa najis tikus, guna logo halal tanpa kebenaran	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1188475/afe-diarah-tutup-selepas-jumpa-najis-tikus-guna-logo-halal-tanpa-kebenaran	HARIAN METRO
19-Feb	Siasat punca beras putih tempatan 'hilang'	https://www.sinarharian.com.my/article/713291/suara-sinar/analisis-sinar/siasat-punca-beras-putih-tempatan-hilang	SINAR HARIAN
19-Feb	George hargai KPDN pilih Karamunting lokasi Jualan Rahmah Madani	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/18/george-hargai-kpdn-pilih-karamunting-lokasi-jualan-rahmah-madani	UTUSAN BORNEO
19-Feb	IOT Senari tingkat kapasiti pengisian 29,000 silinder sehari tampung loji pembotolan di Bintulu	https://utusansarawak.com.my/iot-senari-tingkat-kapasiti-pengisian-29000-silinder-sehari-tampung-loji-pembotolan-di-bintulu/	UTUSAN SARAWAK
19-Feb	PETROSNiaga bekalkan gas dari Kuching dan Sabah	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/18/petrosniaga-bekalkan-gas-dari-kuching-dan-sabah	UTUSAN BORNEO
19-Feb	KPKM Pastikan Pindaan Akta 522 Siap, Dikuatkuasakan Tahun Ini	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2393918	BERNAM A

19-Feb	KPKM pastikan pindaan Akta 522 SIAP, dikuatkuasakan tahun ini	https://www.sinarharian.com.my/article/713462/berita/nasional/kpkm-pastikan-pindaan-akta-522-siap-dikuatkuasakan-tahun-ini	SINAR HARIAN
19-Feb	KPKM pastikan pindaan Akta 522 siap, dikuatkuasakan tahun ini	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpkm-pastikan-pindaan-akta-522-siap-dikuatkuasakan-tahun-ini-509174	ASTRO AWANI
19-Feb	Kalau tidak siap, saya kena hentam lagi – Mohamad Sabu	https://www.kosmo.com.my/2025/02/18/kalau-tidak-siap-saya-kena-hentam-lagi-	KOSMO
19-Feb	KPKM to ensure amendment to Act 522 completed and enforced this year	https://thesun.my/malaysia-news/kpkm-to-ensure-amendment-to-act-522-completed-and-enforced-this-year-BF13707512	THE SUN